

Headline	Putrajaya setuju serah kuasa kawal selia bekalan elektrik, SESB kepada		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	05 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	25,055	Readership	75,165
Section	Tempatan	Page No	1
ArticleSize	169 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,077		



## Putrajaya setuju serah kuasa kawal selia bekalan elektrik, SESB kepada Kerajaan Sabah

PUTRAJAYA: Kerajaan Persekutuan bersetuju menyerahkan kuasa kawal selia bekalan elektrik negeri Sabah dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) kepada kerajaan negeri Sabah secara berfasa, kata Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (KPTDGA).

“Keputusan ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan Persekutuan untuk memartabatkan Perjanjian Malaysia 1963,” kata kementerian itu dalam kenyataan, Khamis.

Fasa satu yang melibatkan penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik Sabah berkuat kuasa Rabu, manakala fasa dua melibatkan penyerahan SESB dalam tempoh tujuh tahun yang dijangka selesai pada 2030.

“Dengan pelaksanaan pemindahan kuasa kawal selia itu, kerajaan negeri Sabah boleh melaksanakan perancangan dan pembangunan pembekalan elektrik di negeri Sabah dengan sendiri,” menurut kenyataan itu.

Kementerian itu berkata kerajaan bersedia untuk bekerjasama dan memberi bimbingan sekiranya kerajaan Sabah memerlukan bantuan dan khidmat nasihat daripada kerajaan Persekutuan.

“Selepas penyerahan ini, adalah diharapkan kerajaan negeri Sabah akan sentiasa komited dalam menangani masalah gangguan bekalan elektrik di Sabah, sekali gus memenuhi peningkatan permintaan elektrik di negeri berkenaan,” menurutnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 2024 pada 13 Okt lepas berkata kerajaan Persekutuan bersama-sama kerajaan negeri Sabah telah mencapai kesepakatan berhubung penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik yang berkuat kuasa pada 3 Jan 2024.

Anwar berkata walaupun kuasa kawal selia diserahkan kepada Sabah, kerajaan Persekutuan tetap akan terus membantu kerajaan negeri dalam mengukuhkan industri elektrik di Sabah melalui pemberian subsidi kepada SESB sehinggalah Pelan Transformasi SESB berjaya dilaksanakan dalam tempoh tujuh tahun iaitu sehingga 2030. – Bernama